

Usaha promosi pengajian Muzik di UPM

SERDANG (23 Ogos) – Jabatan Muzik, Fakulti Ekologi Manusia (FEM), Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menganjurkan Kem Muzik dan Belia yang diadakan di Panggung Percubaan dekat sini baru-baru ini.

Program yang julung kali dianjurkan itu adalah dengan kerjasama Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS).

Kem ini dianjurkan khas untuk pelajar sekolah berumur 13 hingga 18 tahun. Seramai 81 pelajar dari Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Seg Hwa Johor dan SMJK Chan Wa Seremban mengikuti kem ini yang dipimpin oleh pensyarah Jabatan Muzik.

Ketua Jabatan Muzik, Dr. Zahid Emby berkata kem ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada generasi muda tentang

aktiviti muzik dan pelbagai bidang kerjaya dalam muzik.

“Remaja kini lebih terdedah kepada muzik komersial tetapi kem ini mendedahkan remaja kepada klasikal muzik, teknologi muzik dan pendidikan muzik. Selain itu, kem ini meningkatkan semangat berpasukan, keyakinan diri dan membantu mereka memahami muzik secara mendalam,” tambahnya lagi.

Kem ini dirasmikan oleh Pengetua Kolej Tun Perak, Prof Madya Dr Jasni Sabri mewakili Timbalan Naib Canselor (HEP). Hadir sama, Pengarah PKKSSAAS, Mahfoor Haron, Dekan FEM, Prof. Dr. Rozumah Baharudin, dan pensyarah-pensyarah Jabatan Muzik.

Dalam ucapannya, Dr. Jasni berkata bahawa kita perlu menghayati muzik secara emosi dan mendengar muzik secara mendalam. Menurutnya muzik bukanlah

hiburan semata-mata.

“Muzik membantu perkembangan intelek, meningkatkan kreativiti dan keyakinan diri untuk mengatasi dunia yang mencabar ini. Pada masa yang sama, muzik memotivasi pelajar yang bermasalah di samping membantu perkembangan individu secara holistik”, katanya.

Kem yang berlangsung selama satu setengah hari ini di muatkan dengan pelbagai aktiviti menarik seperti ceramah, forum, bengkel komposisi, sesi improvisasi, sesi nyanyian koir, permainan berbentuk muzik dan sebagainya. Aktiviti-aktiviti ini diadakan berasaskan tema **'belajar sambil berhibur'**.

Penceramah jemputan khas kem ini ialah Ooi Eow Jin yang pernah bekerja sebagai pengajar sambilan di International College of Music dan kini berkhidmat sebagai Profesor Bersekutu di UPM.